



# NEWSLETTER

## KEPENDUDUKAN NEGERI KEDAH

### PENGENALAN

- Perkataan **KEDAH** berasal dari Bahasa Siam iaitu 'Kedat' yang bermaksud kertas ataupun watak manakala dalam Bahasa Thai pula, ianya disebut sebagai 'Kradat'. Watak yang digambarkan sebagai Kedat ini adalah amanat yang dibawa oleh Merong Mahawangsa ke Nusantara pada masa itu. Lipatan sejarah juga menyatakan bahawa pihak British menamakan Negeri Kedah bersempena daripada perkataan **Mangkuk Padi** di mana pihak British dikatakan telah cuba untuk menukarkan nama Kedah yang asalnya bermaksud Watak kepada negeri Kedah yang membawa maksud Mangkuk Padi.
- Bunga Emas** turut dikaitkan sebagai satu ikon simbolik Negeri Kedah yang pernah dijadikan ufti kepada Kerajaan Siam suatu ketika dahulu. Negeri Kedah adalah antara negeri jajahan Siam yang paling lama terpaksa menghantar bunga emas dan bunga perak bagi tujuan mengeratkan lagi persahabatan yang terjalin dengan Siam.



- Kedah Darul Aman** mempunyai **12 buah Daerah Pentadbiran**. Daerah Pentadbiran Pokok Sena adalah merupakan daerah pentadbiran terbaharu yang diwartakan selepas Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia Tahun 2010.
- Maklumat Asas Penduduk, 2019\***

Keluasan Tanah	: 9,492 km <sup>2</sup>
Penduduk	: 2.2 juta
Kepadatan Penduduk	: 232/km <sup>2</sup>
Nisbah Jantina**	: 103
Warganegara	: 95.7%
Bukan Warganegara	: 4.3%
Tempat Kediaman	: 605 ribu

Nota:

\* - Data unjuran

\*\* - Bilangan lelaki bagi setiap 100 perempuan



### FAKTA UTAMA BANCI 1970 - 2010

### KEPADATAN PENDUDUK (per km<sup>2</sup>)

101

1970

114

1980

138

1991

165

2000

200

2010

226

2016

229

2017

232


2018

1





## PENDUDUK ('000) DAN KADAR PERTUMBUHAN PENDUDUK




- Kadar pertumbuhan penduduk tahunan di Kedah adalah semakin menurun sejak tahun 2010 dan pada tahun 2019 kadar pertumbuhan penduduk yang dicatatkan adalah 0.8 peratus.

## BILANGAN PENDUDUK WARGANEGARA DAN BUKAN WARGANEGARA

	1991 ('000)	2000 ('000)	2010 ('000)	2016 ('000)	2017 ('000)	2018 ('000)	2019 ('000)
Warganegara	1,296.06	1,550.2	1,834.6	2,052.4	2,081.3	2,110.4	2,139.6
Bukan warganegara	5.6	21.1	65.1	92.2	94.0	95.6	97.1

**Warganegara,  
2.13 juta**



## BILANGAN PENDUDUK BUKAN WARGANEGARA MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN, KEDAH 2017, 2018 DAN 2019

Daerah Pentadbiran	2017	2018	2019
Baling	3.2	3.2	3.3
Bandar Baharu	1.0	1.0	1.1
Kota Setar	9.3	9.4	9.6
Kuala Muda	28.9	29.4	29.9
Kubang Pasu	7.3	7.4	7.6
Kulim	22.1	22.5	22.8
Langkawi	12.8	13.0	13.2
Padang Terap	2.3	2.3	2.3
Sik	2.3	2.3	2.4
Yan	1.0	1.0	1.0
Pendang	1.4	1.4	1.4
Pokok Sena	2.5	2.6	2.6

- Bilangan penduduk **Bukan Warganegara** di Daerah Pentadbiran Kuala Muda adalah tertinggi pada tahun 2017 hingga 2019, diikuti oleh Daerah Pentadbiran Kulim dan Langkawi.





# MAKLUMAT ASAS DAERAH PENTADBIRAN



## 10 - YAN

Luas Kawasan = 246 km<sup>2</sup>  
Penduduk<sup>1</sup> = 72.7 ribu  
Kepadatan Penduduk = 316org/km<sup>2</sup>  
Bil. Penduduk Mengikut Etnik :  
•Bumiputera = 72.7 ribu  
•Cina = 4.8 ribu  
•India = 0.1 ribu  
•Lain-lain = 0.1 ribu  
•Bukan Warganegara = 1.0 ribu

## 09 - SIK

Luas Kawasan = 1635 km<sup>2</sup>  
Penduduk<sup>1</sup> = 78.2 ribu  
Kepadatan Penduduk = 47org/km<sup>2</sup>  
Bil. Penduduk Mengikut Etnik :  
•Bumiputera = 71.3 ribu  
•Cina = 0.8 ribu  
•India = 0.1 ribu  
•Lain-lain = 3.6 ribu  
•Bukan Warganegara = 2.4 ribu

## 08 - PADANG TERAP

Luas Kawasan = 1359 km<sup>2</sup>  
Penduduk<sup>1</sup> = 73.0 ribu  
Kepadatan Penduduk = 53org/km<sup>2</sup>  
Bil. Penduduk Mengikut Etnik :  
•Bumiputera = 66.3 ribu  
•Cina = 0.7 ribu  
•India = 0.1 ribu  
•Lain-lain = 3.6 ribu  
•Bukan Warganegara = 2.3 ribu

## 07 - LANGKAWI

Luas Kawasan = 526 km<sup>2</sup>  
Penduduk<sup>1</sup> = 111.5 ribu  
Kepadatan Penduduk = 209org/km<sup>2</sup>  
Bil. Penduduk Mengikut Etnik :  
•Bumiputera = 91.4 ribu  
•Cina = 4.7 ribu  
•India = 1.9 ribu  
•Lain-lain = 0.3 ribu  
•Bukan Warganegara = 13.2 ribu

## 01 - BALING

Luas Kawasan = 1529 km<sup>2</sup>  
Penduduk<sup>1</sup> = 156.4 ribu  
Kepadatan Penduduk = 101org/km<sup>2</sup>  
Bil. Penduduk Mengikut Etnik :  
•Bumiputera = 140.2 ribu  
•Cina = 5.2 ribu  
•India = 6.0 ribu  
•Lain-lain = 1.7 ribu  
•Bukan Warganegara = 3.3 ribu

## 11 - PENDANG

Luas Kawasan = 629 km<sup>2</sup>  
Penduduk<sup>1</sup> = 109.9 ribu  
Kepadatan Penduduk = 172org/km<sup>2</sup>  
Bil. Penduduk Mengikut Etnik :  
•Bumiputera = 97.8 ribu  
•Cina = 3.7 ribu  
•India = 0.3 ribu  
•Lain-lain = 6.7 ribu  
•Bukan Warganegara = 1.4 ribu



## 02 - BANDAR BAHARU

Luas Kawasan = 271 km<sup>2</sup>  
Penduduk<sup>1</sup> = 48.6 ribu  
Kepadatan Penduduk = 177org/km<sup>2</sup>  
Bil. Penduduk Mengikut Etnik :  
•Bumiputera = 39.5 ribu  
•Cina = 5.0 ribu  
•India = 2.9 ribu  
•Lain-lain = 0.1 ribu  
•Bukan Warganegara = 1.1 ribu

## 03 - KOTA SETAR

Luas Kawasan = 420 km<sup>2</sup>  
Penduduk<sup>1</sup> = 417.8 ribu  
Kepadatan Penduduk = 982org/km<sup>2</sup>  
Bil. Penduduk Mengikut Etnik :  
•Bumiputera = 310.5 ribu  
•Cina = 87.2 ribu  
•India = 9.4 ribu  
•Lain-lain = 1.2 ribu  
•Bukan Warganegara = 9.6 ribu

## 04 - KUALA MUDA

Luas Kawasan = 913 km<sup>2</sup>  
Penduduk<sup>1</sup> = 521.2 ribu  
Kepadatan Penduduk = 563org/km<sup>2</sup>  
Bil. Penduduk Mengikut Etnik :  
•Bumiputera = 331.7 ribu  
•Cina = 91.3 ribu  
•India = 67.1 ribu  
•Lain-lain = 1.1 ribu  
•Bukan Warganegara = 29.9 ribu

## 05 - KUBANG PASU

Luas Kawasan = 946 km<sup>2</sup>  
Penduduk<sup>1</sup> = 254.2 ribu  
Kepadatan Penduduk = 265org/km<sup>2</sup>  
Bil. Penduduk Mengikut Etnik :  
•Bumiputera = 219.9 ribu  
•Cina = 18.4 ribu  
•India = 5.5 ribu  
•Lain-lain = 2.9 ribu  
•Bukan Warganegara = 7.6 ribu

## 12 - POKOK SENJA

Luas Kawasan = 244 km<sup>2</sup>  
Penduduk<sup>1</sup> = 57.5 ribu  
Kepadatan Penduduk = 232org/km<sup>2</sup>  
Bil. Penduduk Mengikut Etnik :  
•Bumiputera = 51.0 ribu  
•Cina = 2.9 ribu  
•India = 0.8 ribu  
•Lain-lain = 0.3 ribu  
•Bukan Warganegara = 2.6 ribu

## 06 - KULIM

Luas Kawasan = 774 km<sup>2</sup>  
Penduduk<sup>1</sup> = 329.8 ribu  
Kepadatan Penduduk = 421org/km<sup>2</sup>  
Bil. Penduduk Mengikut Etnik :  
•Bumiputera = 199.9 ribu  
•Cina = 50.5 ribu  
•India = 55.9 ribu  
•Lain-lain = 0.7 ribu  
•Bukan Warganegara = 22.8 ribu

### SEKILAS FAKTA!

Pada tahun 2010, Kuala Muda merekodkan bilangan penduduk tertinggi di antara semua daerah iaitu seramai 443,488 ribu orang



Nota:

1 - Bilangan Penduduk merujuk kepada data unjuran tahun 2019

3








# PENDUDUK DAN ISI RUMAH

## EVOLUSI DAN SIRI MASA PENDUDUK DAN ISI RUMAH

- Penduduk Negeri Kedah pada tahun 2020 dianggarkan berjumlah 2,185.2 ribu orang dengan kadar pertumbuhan tahunan 0.5 peratus. Penduduk Negeri Kedah menunjukkan peningkatan penduduk dari 989.5 ribu orang pada tahun 1970 kepada 2,185.2 ribu orang pada tahun 2020. Kadar pertumbuhan penduduk juga menunjukkan penurunan dari 2.4 peratus pada tahun 1970 kepada 0.5 peratus pada tahun 2020.



- Pada tahun 2020, etnik Bumiputera mewakili 79.9 peratus dari penduduk Warganegara berbanding tahun 2010, 78.1 peratus. Penduduk Etnik Cina dan India masing-masing menunjukkan penyusutan dari 13.6 peratus kepada 12.4 Peratus (Cina) dan 7.3 peratus kepada 6.7 peratus (India).



Tahun	Tempat Kediaman	Isi Rumah	Purata Saiz Ahli Isi Rumah
2015	575.9	489.2	4.2
2016	585.4	496.8	4.2
2017	595.0	504.7	4.2
2018	604.7	512.8	4.2

- Bilangan isi rumah juga meningkat dari 443.0 ribu pada tahun 2010 kepada 512.8 ribu pada tahun 2018. Bilangan isi rumah pada tahun 2020 pula dianggarkan sebanyak 529.1 ribu.
- Purata saiz isi rumah kekal kepada 4.2 orang dan bilangan tempat kediaman pada tahun 2020 dianggarkan sebanyak 624.3 ribu.




# STRUKTUR DAN PIRAMID PENDUDUK

- Sepanjang tempoh 2010 hingga 2020, tapak piramid penduduk bagi Negeri Kedah telah menyusut akibat penurunan kadar kesuburan/penurunan kadar kelahiran berterusan, sementara puncak piramid menunjukkan angka yang lebih luas di mana jangka hayat (umur lebih panjang) di mana penduduk tua meningkat dari tahun ke tahun.
- Kumpulan umur 0-19 tahun menunjukkan penurunan penduduk berbanding tahun 2020. Walau bagaimanapun bagi kumpulan umur 20 tahun ke atas bilangan penduduk meningkat berbanding tahun 2010. Pada tahun 2020, bilangan penduduk di dalam kumpulan umur 20-24 tahun mencatatkan bilangan penduduk paling tinggi iaitu 215 ribu orang berbanding tahun 2010, kumpulan umur paling ramai penduduk adalah 10-14 tahun iaitu 212.1 ribu orang.


Kumpulan Umur (tahun)

## Piramid Penduduk Kedah, 2010 dan 2020



\* Unjuran Penduduk

## Piramid Penduduk Kedah, 2020




\* Unjuran Penduduk

- Pada tahun 2020, bilangan penduduk lelaki lebih ramai daripada penduduk perempuan bagi kumpulan umur 0-49 tahun, manakala bagi kumpulan umur 50 tahun dan ke atas, bilangan penduduk perempuan adalah lebih ramai dari lelaki.
- Bagi penduduk lelaki, kumpulan umur 20-24 tahun merekodkan bilangan penduduk paling ramai iaitu 111.2 ribu orang dan kumpulan umur 80 tahun dan ke atas merekodkan bilangan penduduk paling rendah iaitu 13.3 ribu orang.
- Bagi penduduk perempuan, kumpulan umur paling ramai juga direkodkan oleh kumpulan umur 20-24 tahun iaitu 103.8 ribu orang, manakala kumpulan umur 75-79 tahun iaitu mencatatkan jumlah penduduk terendah iaitu 16.6 ribu orang.





## KUMPULAN UMUR



2010

571.1 ribu  
(29.3%)

1,259.3 ribu  
(64.6%)

118.9 ribu  
(6.1%)

2020

533.2 ribu  
(24.4%)

1,470.6 ribu  
(67.3%)


118.4 ribu  
(8.3%)



## KELAHIRAN DAN KEMATIAN


- Bilangan kelahiran hidup yang dicatatkan pada 2018 adalah 35,643 berbanding bilangan kelahiran hidup yang dicatatkan pada tahun 2017 iaitu 36,693. Kadar kelahiran kasar mencatatkan penurunan daripada 17.1 (2017) kepada 16.5 (2018) bagi setiap 1,000 penduduk.

### Kelahiran Hidup dan Kadar Kelahiran Kasar, Kedah



- Bilangan kematian menunjukkan peningkatan dari tahun 2010 hingga 2018 di mana pada tahun 2010 (11,674) kepada 14,552 kematian pada tahun 2018. Kadar kematian kasar juga menunjukkan peningkatan dari 6.0 (2010) kepada 6.7 bagi setiap 1,000 penduduk bagi tahun 2018.

### Kematian dan Kadar kematian kasar, Kedah






# KESUBURAN DAN JANGKA HAYAT

## Kesuburan

**Carta 1: Kadar Kesuburan Jumlah, Kedah, 2010-2018**



- Pada tahun 2018, kadar kesuburan jumlah bagi Negeri Kedah menurun berbanding tahun 2017 iaitu daripada 2.3 kepada 2.2 bayi bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun. Carta 1 menunjukkan Negeri Kedah mencatatkan kadar kesuburan jumlah di atas paras penggantian iaitu purata 2.1 bayi bagi setiap wanita dalam lingkungan umur reproduktif (15-49 tahun) bagi tahun 2010 hingga 2018.


**Jadual 1: Kadar kesuburan mengikut etnik, 2015-2018**

Kumpulan etnik	2015	2016	2017	2018
Bumiputera	2.8	2.7	2.7	2.6
Cina	1.5	1.4	1.3	1.1
India	1.3	1.3	1.2	1.1
Etnik lain-lain	1	0.8	0.8	0.9

- Jadual 1 menunjukkan kadar kesuburan jumlah bagi Bumiputera, Cina dan India mencatatkan penurunan pada tahun 2018 berbanding 2017 manakala etnik lain mencatatkan peningkatan.

## Jangka Hayat

**Jangkaan hayat ketika lahir**



- Jangkaan hayat ketika lahir bagi seorang bayi lelaki dan bayi perempuan di Kedah pada tahun 2019 masing-masing adalah 70.5 tahun dan 76.4 tahun.

### Jangkaan hayat pada umur 15 tahun

Jantina	2015	2016	2017	2018	2019
Lelaki	56.2	56.0	56.1	56.2	56.3
Perempuan	61.8	61.7	61.7	61.9	62.1

- Lelaki dan perempuan yang mencapai umur 15 tahun pada tahun 2019 dijangka hidup selama 56.3 tahun dan 62.1 tahun lagi. Ini bermakna, lelaki pada umur 15 tahun dijangka hidup sehingga umur 71.3 tahun manakala perempuan sehingga umur 77.1 tahun.

### Jangkaan hayat pada umur 65 tahun

Jantina	2015	2016	2017	2018	2019
Lelaki	13.9	13.9	13.9	14.0	14.2
Perempuan	16.3	16.4	16.5	16.6	16.8

- Bagi tahun 2019, seorang lelaki yang berumur 65 tahun dijangka hidup selama 14.2 tahun lagi dan seorang perempuan pula dijangka hidup selama 16.8 tahun lagi. Ini bermakna, seorang lelaki dan perempuan dijangka hidup masing-masing sehingga berumur 79.2 tahun dan 81.8 tahun.







## EVOLUSI DAN URBANISASI

**1980** 14%  
**2000** 38.8%  
**2010** 64.4%  
**2019<sup>e</sup>** 73.1%





### PERBANDARAN

- Perbandaran ialah proses perubahan sesuatu kawasan daripada luar bandar kepada bandar. Perbandaran juga berlaku apabila petempatan bandar berkembang menjadi bandar yang lebih besar dari bandar kecil ke bandar sederhana dan akhirnya menjadi bandaraya.



## PERKEMBANGAN DAN POLA MIGRASI



- Kadar migrasi bagi tempoh 2005-2010 adalah 15.1 peratus. Kadar ini meningkat sebanyak 1.4 peratus berbanding tempoh 1995-2000 (13.7 peratus). Bilangan migran telah meningkat kepada 286 ribu orang pada tahun 2010 berbanding 215 ribu pada tahun 2000.



## WARGA TUA DAN PENUAAN

### UMUR PENENGAH

26.2

2010

23.3

2000

21.8

1991

19.5

1980

17.6

1970

### NISBAH JANTINA<sup>1</sup>



102

99

97

97

101

### NISBAH TANGGUNGAN<sup>2</sup>

2010 54.9

2000 65.5

1991 72.7

1980 77.5

1970 89.5

- Penduduk Negeri Kedah semakin menua apabila umur penengah meningkat daripada 17.6 tahun pada 1970 kepada 26.2 pada tahun 2010.
- Nisbah jantina di Negeri Kedah adalah 102 orang lelaki bagi setiap 100 perempuan pada 2010.
- Nisbah tanggungan telah menurun kepada 54.9 (2010) berbanding 89.5 (1970) disebabkan berlaku peningkatan peratusan penduduk umur bekerja.

Nota:

<sup>1</sup> Bilangan lelaki bagi setiap 100 perempuan

<sup>2</sup> Nisbah bilangan penduduk yang berumur bawah 15 tahun dan yang berumur 65 tahun dan ke atas kepada bilangan penduduk berumur 15-64 tahun





# PERUMAHAN DAN ISI RUMAH



## BILANGAN DAN JENIS TEMPAT KEDIAMAN



617,077 Unit



480,733 Isi Rumah

### TERFIKIRKAH ANDA?




Jenis tempat kediaman kondominium hanya terdapat di Daerah Kota Setar, Kuala Muda, Kubang Pasu dan Langkawi sahaja.

### EMPAT DAERAH TERTINGGI JUMLAH TEMPAT KEDIAMAN DAN ISI RUMAH

1. KUALA MUDA		163,297 unit
		122,228 isi rumah
2. KOTA SETAR		107,430 unit
		85,499 isi rumah
3. KULIM		92,2055 unit
		72,321 isi rumah
4. KUBANG PASU		70,465 unit
		53,399 isi rumah

### PECAHAN PERATUS JENIS TEMPAT KEDIAMAN DI NEGERI KEDAH



- Pada Tahun 2019 jenis tempat kediaman sesebuah menunjukkan peratusan tertinggi iaitu 48.84 peratus diikuti oleh jenis tempat kediaman teres sebanyak 38.03 peratus dan berkembar (9.57 peratus).

## GUNA TENAGA



### Tahukah Anda

Tenaga Buruh merujuk kepada penduduk dalam kumpulan umur bekerja (15 – 64 tahun) sama ada bekerja atau menganggur.



Jumlah Tenaga Buruh di Kedah pada tahun 2019 adalah 950 ribu iaitu 6.01 peratus dari jumlah Tenaga Buruh peringkat nasional.

### Kadar Penyertaan Tenaga Buruh

Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) bagi Negeri Kedah pada tahun 2019 adalah 63.3 peratus (63.5%, 2018).


### Penduduk bekerja

Penduduk Bekerja di Kedah direkodkan meningkat sebanyak 1.5 peratus pada tahun 2019 iaitu sebanyak 923.6 ribu berbanding 909.2 ribu orang pada tahun 2018.

### Kadar Pengangguran

Kadar Pengangguran di Kedah menurun sebanyak 0.1% pada tahun 2019 iaitu sebanyak 2.8 peratus berbanding 2018 (2.9 peratus).

KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH 63.3%



JUMLAH PENDUDUK BEKERJA ('000)



2.8%

KADAR PENGANGGURAN

**BANCI**  
PENDUDUK & PERUMAHAN  
MALAYSIA 2020

DATA ANDA MASA DEPAN KITA

**BANCI**  
#MyCensus2020  
7.7.2020

Posisikan Anda DIBANCI



20 OKT



2016-2030





## PERKEMBANGAN PENDAPATAN ISI RUMAH

- Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah dan purata di Negeri Kedah menunjukkan peningkatan daripada tahun 1995 hingga 2019. Dalam tempoh 24 tahun, pendapatan penengah meningkat sebanyak RM3,335 iaitu RM990 pada tahun 1995 kepada RM4,325 pada tahun 2019. Dari sudut pertumbuhan, pendapatan penengah tumbuh 4.2 peratus setahun bagi tahun 2019 berbanding 8.4 peratus pada tahun 1997. (**Carta 1**). Pendapatan purata pula meningkat sebanyak RM4,227 antara tempoh 1995 hingga 2019 di mana kadar pertumbuhan tertinggi dicatatkan pada tahun 2014 (13.4 peratus). (**Jadual 1**).

**Carta 1 : Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah, Kedah, 1995 - 2019**




**Jadual 1 : Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Purata, Kedah, 1995 - 2019**



Tahun	Pendapatan Bulanan Purata (RM)	Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun (%)
1995	1,295	7.0
1997	1,590	10.3
1999	1,612	0.7
2002	1,966	6.6
2004	2,126	4.0
2007	2,408	4.2
2009	2,667	5.1
2012	3,425	8.3
2014	4,478	13.4
2016	4,971	5.2
2019	5,522	3.5




**Carta 2 : Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah Mengikut Daerah Pentadbiran, Kedah, 2014, 2016 dan 2019**



- Berdasarkan **Carta 2**, corak pendapatan penengah di dua belas daerah pentadbiran di Negeri Kedah adalah lebih kurang sama bagi ketiga-tiga tahun. Daerah Langkawi merekodkan pendapatan penengah tertinggi pada tahun 2014 (RM4,272), 2016 (RM4,971) dan 2019 (5,905). Manakala Daerah Yan merekodkan pendapatan penengah terendah pada tahun 2014 (RM2,480) dan 2019 (RM3,502).


**Carta 3 : Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Purata Mengikut Daerah Pentadbiran, Kedah, 2014, 2016 dan 2019**






## PEKALI GINI

- Salah satu kaedah yang paling popular bagi mengukur ketaksamarataan pendapatan adalah menggunakan Pekali Gini. Nilai Pekali Gini menurun kepada 0.354 pada tahun 2019 daripada 0.365 pada tahun 2014. Hal ini menunjukkan ketidakseimbangan agihan pendapatan isi rumah di Negeri Kedah semakin mengecil.



## PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN (PGK)

Carta 4 : Insiden Kemiskinan Mengikut Daerah Pentadbiran, Kedah, 2016 dan 2019



- Pada tahun 2019, nilai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Malaysia telah disemak semula berdasarkan keperluan semasa. Nilai purata PGK Kedah pada tahun 2019 ialah RM2,254 sebulan manakala purata nilai PGK makanan adalah RM1,124 sebulan dengan saiz isi rumah seramai 3.9 orang.
- Insiden kemiskinan mutlak di Negeri Kedah bertambah baik daripada 14.3 peratus pada tahun 2016 kepada 8.8 peratus pada tahun 2019. Penurunan ini turut dicatatkan di semua daerah pentadbiran di Negeri Kedah seperti Daerah Bandar Baharu yang mempunyai insiden kemiskinan mutlak tertinggi pada tahun 2016 iaitu 55.8 peratus telah menurun kepada 7.2 peratus pada tahun 2019.








# PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH


Tahun	2014 (RM)	2016 (RM)	2019 (RM)
Penengah	•2,320	•2,422	•2,759
Purata	•2,791	•3,061	•3,359

- Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan penengah di Negeri Kedah meningkat daripada RM2,320 pada tahun 2014 kepada RM2,759 pada tahun 2019. Begitu juga dengan perbelanjaan isi rumah bulanan purata yang menunjukkan peningkatan kepada RM3,359 (2019) daripada RM2,791 (2014).

**Carta 5 : Komposisi Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah, Kedah, 2016 dan 2019**



- Terdapat empat kumpulan utama perbelanjaan isi rumah di Negeri Kedah yang kekal tidak berubah pada tahun 2019 berbanding tahun 2016 iaitu perbelanjaan **Makanan dan minuman bukan alkohol (22.0 peratus)**, **Pengangkutan (17.3 peratus)**, **Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (17.2 peratus)** dan **Restoran dan hotel (12.3 peratus)** yang menyumbang 68.8 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan penggunaan isi rumah.



# PENDIDIKAN

## DEMOGRAFI PENDIDIKAN NEGERI KEDAH



547 BUAH SEKOLAH  
16,611 GURU  
189,797 MURID

RENDAH



MENENGAH

201 BUAH SEKOLAH  
14,197 GURU  
152,697 PELAJAR



IPTA

14 BUAH IPTA  
1,306 STAF AKADEMIK  
13,083 PENUNTUT

1. Data seperti 30 Jun 2018
2. Data merujuk kepada sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan sahaja



Berdasarkan Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Negeri Kedah 2019, 98.8% responden menyatakan bahawa jarak dari tempat kediaman ke sekolah rendah di negeri Kedah kurang dari 5 km dan 95.4% responden menyatakan bahawa jarak dari tempat kediaman ke sekolah menengah kurang dari 5 km.



### TAHUKAH ANDA ?

Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Muda merangkumi dua daerah iaitu Daerah Kuala Muda dan Daerah Yan. Manakala Pejabat Pendidikan Daerah Bandar Baharu merangkumi Daerah Bandar Baharu dan Daerah Kulim



Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Muda mencatatkan bilangan sekolah, guru dan murid yang tertinggi bagi sekolah rendah dan menengah. Diikuti oleh Pejabat Pendidikan Kota Setar (146 buah sekolah, 6,067 guru dan 64,095 murid), Pejabat Pendidikan Daerah Bandar Baharu (119 buah sekolah, 4,898 guru dan 57,473 murid), Pejabat Pendidikan Daerah Kubang Pasu (82 buah sekolah, 3,611 guru, 38,914 murid), Pejabat Pendidikan Daerah Baling (78 buah sekolah, 2,549 guru, 22,962 murid), Pejabat Pendidikan Daerah Pendang (51 buah sekolah, 1,830 guru, 18,638 murid), Pejabat Pendidikan Daerah Sik (32 buah sekolah, 1,162 guru, 12,072 murid), Pejabat Pendidikan Daerah Padang Terap (30 buah sekolah, 1,217 guru, 12,605 murid) dan Pejabat Pendidikan Daerah Langkawi (29 buah sekolah, 1,473 guru, 17,514 murid)

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

# KESIHATAN

## BILANGAN PETUGAS KESIHATAN

2,759



DOKTOR

2,922

370



DOKTOR GIGI

452

7,357



JURURAWAT

7,475

(TERMASUK JURURAWAT MASYARAKAT)

3,266



KATIL HOSPITAL

3,302



Berdasarkan Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Negeri Kedah 2019, 95.7% responden menyatakan bahawa jarak dari tempat kediaman ke pusat kesihatan awam di negeri Kedah kurang dari 5 km.



### Sekilas Fakta!

Negeri Kedah mempunyai sebanyak 9 buah hospital. Daerah Pendang dan Bandar Baharu tidak mempunyai kemudahan hospital.



Terdapat sebanyak 306 Klinik Kesihatan, Klinik Desa dan Klinik Komuniti di Negeri Kedah. Daerah Baling merupakan daerah yang paling banyak mempunyai kemudahan tersebut dengan bilangan sebanyak 44 buah. Diikuti oleh Daerah Kota Setar (43 buah), Daerah Kubang Pasu dan Kuala Muda (37 buah), Daerah Sik (22 buah), Daerah Pendang (21 buah), Daerah Padang Terap (20 buah), Daerah Yan (18 buah), Daerah Bandar Baharu (16 buah) dan Daerah Langkawi (14 buah).

### 5 Sebab Kematian Utama (DISAHKAN perubahan) 2017



Pneumonia

17.6%



Ischaemic heart disease

14.3%



Cerebrovascular disease / Strok

8.4%



Transport accidents

6.3%



Chronic lower respiratory disease

1.9%

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

**BANCI**  
PENDUDUK & PERUMAHAN  
MALAYSIA 2020

DATA ANDA MASA DEPAN KITA



Postikan Anda  
DIBANCI



20 OKT



2016-2030

